

KERAJAAN PERPADUAN

CABARAN UNTUK PM KE-10



Untuk berada pada kedudukan tersebut, beliau telah melalui pelbagai onak dan duri, sama ada ditohmah dan difitnah, didera mental dan fizikal, terpaksa meringkuk dalam penjara sehinggalah mendapat pengampunan daripada Yang di-Pertuan Agong. Ketika Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri Ketujuh, cita-cita beliau terbantu seketika dengan pelantikan isteri beliau Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai Timbalan Perdana Menteri. Tun Dr. Mahathir meletakkan dari satu tempoh kepada satu tempoh untuk menyerahkan kuasanya kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim. Namun begitu, janji itu tidak tertunai sehingga berlakunya "Langkah Sheraton".

Kini, apa-apa sahaja yang dilalui sudah menjadi pengalaman berharga kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim. Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) pada 19 November 2022 lalu telah mengubah segala-galanya. Parti pimpinan beliau Pakatan Harapan (PKR, DAP, AMANAH, MUDA dan UPKO) telah memenangi sebanyak 82 kerusi Parlimen. Berbanding dengan saingan terdekatnya, Perikatan Nasional (PN) yang diketuai Tan Sri Muhyiddin Yasin, (BERSATU, PAS, Gerakan, Parti Progresif Sabah (SAPP) dan Parti Solidariti Tanah Air (STAR) mendapat 73 kerusi, manakala Barisan Nasional (UMNO, MIC, MCA, PBRN dan PBM) di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi hanya mendapat

Setelah hampir 25 tahun menyimpan cita-cita untuk berada di tampuk kuasa sebagai Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim akhirnya mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10 pada 24 November 2022 lalu.

30 kerusi. Berbanding dengan keputusan PRU-15 di Sarawak, GPS yang diterajui Datuk Patinggi Abang Abdul Rahman Zohari Tun Abang Openg (Parti Demokratik Progresif (PDP), Parti Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan Parti Rakyat Sarawak (PRS) menguasai sebanyak 23 kerusi. Di Sabah pula, Gabungan Rakyat Sabah (GRS) memperoleh enam kerusi manakala lain-lain parti mengumpul sejumlah enam kerusi.

Oleh sebab tiada parti mendapat majoriti mudah, iaitu 112 kerusi (jumlah keseluruhan 222 kerusi parlimen), maka buat pertama kalinya dalam sejarah pilihan raya di Malaysia, mana-mana parti yang bertanding tidak dapat membentuk kerajaan. Hal ini menyebabkan usaha

untuk membentuk sebuah kerajaan didapati tergantung, kecuali wujud kerjasama daripada parti lain dalam kalangan yang mendapat jumlah ahli Parlimen kedua terbanyak bergabung bagi membentuk kerajaan baharu. Pada hakikatnya, harapan untuk melihat pembentukan sebuah kerajaan yang stabil dalam menangani masalah ekonomi, perpaduan dan integriti sejak kebelakangan ini sering diperkatakan sehingga menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat.


Walau bagaimanapun, kebuntuan ini akhirnya dapat di atasi. Atas limpah perkenan Yang di-Pertuan Agong yang menjadi timbang tara yang saksama, sebuah kerajaan baharu akhirnya dapat dibentuk juga. Dengan gabungan Pakatan Harapan, BN, GPS, GRS, Warisan dan PBM

sebuah kerajaan yang dinamakan Kerajaan Perpaduan berjaya dibentuk dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim diisytiharkan sebagai Perdana Menteri ke-10. Perkiraan ini berdasarkan kerajaan yang diterajui Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mendapat sokongan 148 ahli Parlimen yang bergabung dengannya.

Persoalan yang menarik ialah sejauh manakah Kerajaan Perpaduan akan dapat membuktikan kewibawaan? Langkah Perdana Menteri untuk tidak menerima gaji bulanan, tidak mahu

di kawasan bandar seperti Alor Setar dan Kota Bharu, tidak akan berdiam diri untuk bersuara. Laungan tentang semangat Islam akan terus bergema. Jika sebelum ini ahli Parlimennya yang berada dalam kerajaan bukan sahaja berdiam diri, malah membisu dalam isu judi dan arak yang dilaksanakan kerajaan semata-mata untuk kepentingan ekonomi dan memberikan insentif kelangsungan perindustrian yang membawa cukai yang tinggi, tetapi setelah ahli Parlimen PAS tidak lagi berada dalam kerajaan, mereka dijangka akan "berkokok"

Dalam hubungan apa-apa pun, pada ketika inilah Perdana Menteri ke-10 wajar memainkan peranan dan mengotakan janji yang telah dicanangkan. Kita ingin melihat sejauh mana ketegasan dan kebijaksanaan beliau dalam menangani keadaan yang dijangka rumit ini. Antara tugas berat yang perlu dipikul dan diselesaikan, termasuklah meredakan dan menenangkan ucapan keras yang sering dilontarkan oleh pemimpin PAS dan DAP sehingga menggugat ketenangan dan keharmonian yang ingin dibentuk dalam



menggunakan kereta mewah baharu, sebaliknya menggunakan kereta rasmi sedia ada, menukar kelengkapan pejabat, jumlah menteri dalam kabinet baharu dikecilkan, setiap menteri pula dipotong gaji menandakan usaha penjimatan dan hal ini sudah tentunya dialu-alukan oleh rakyat. Ada banyak insentif yang telah diumumkan termasuklah subsidi bersasar bagi mengurangkan beban hidup golongan rakyat yang berpendapatan rendah. Walaupun diakui pelaksanaannya memerlukan perancangan rapi, rumit dan mencabar tata laku penguatkuasaan yang lazimnya tidak sempurna, tetapi hal ini merupakan langkah drastik yang dinantikan oleh rakyat yang mahukan perubahan dilaksanakan segera dan manfaatnya akan dapat dinikmati oleh rakyat yang hidup dalam kesempitan sekarang setelah lebih dua tahun dibelenggu oleh wabak COVID-19.

Dari segi percaturan politik, dijangkakan perselisihan dan rasa tidak puas hati PN akan terus menguasai arena politik negara. PAS yang memenangi 49 kerusi Parlimen dan berbangga dengan jumlah undi yang luar biasa termasuklah

semula ekoran ada ahli Parlimen muda mereka yang taasub dengan dogma keislaman mereka.

Keadaan ini tentunya akan menyebabkan suasana dalam Parlimen dan lebih bergegar bukan sahaja dengan isu agama, malah turut melibatkan persoalan sosial, kerakyatan dan budaya hidup baharu yang mahu dikembangkan melalui golongan ahli Parlimen Melayu/kaum di Sarawak dan Sabah yang lebih neutral dalam PH dan GPS. Dalam hubungan ini, ahli Parlimen DAP yang sudah meningkat sebanyak 40 orang tidak akan berdiam diri dalam mengetengahkan perjuangan mereka, terutamanya dalam mencari persamaan hak dalam sistem sosial di Malaysia yang semakin longgar oleh belenggu tradisional.

Tidak mustahil Kerajaan Perpaduan yang dicanangkan akan dipertikaikan kredibilitinya. Kerumitan mula terbayang dalam kerangka pembentukan kabinet yang berimbang untuk semua parti yang bergabung. Berdasarkan jumlah ahli Parlimen daripada setiap parti, formula pemilihan memerlukan pengiraan yang adil dan dapat diterima oleh semua pihak.

masyarakat Malaysia moden. Tidak ada ertinya kewujudan Kementerian Perpaduan jika fungsinya tidak sampai kepada rakyat, sebaliknya jurang perkauman semakin melebar. Oleh itu, persefahaman yang agresif perlu disuburkan ke dalam jiwa setiap rakyat supaya masalah yang rumit ini dapat dimurnikan demi kesejahteraan hidup secara berkekalan.

Benar beliau tidak mempunyai "lampu Aladin" untuk menyelesaikan masalah, tetapi dalam apa-apa jua kesukaran dan cabaran pun, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan diperhatikan bukan sahaja oleh rakyat yang menggantungkan harapan yang tinggi terhadap beliau, tetapi dunia juga sedang meneropong dengan harapan yang sama dan akan membuat penilaian tentang kredibiliti beliau yang sudah terkenal dan mencipta nama yang tersendiri bukan sahaja di pentas politik, malah juga dalam membina jambatan hubungan diplomatik yang baik pada peringkat dunia. Hal ini terbukti dengan maklum balas yang memberangsangkan daripada pemimpin terkenal dunia melalui ucapan tahniah atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10. □